



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan tetap di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
Nota : 1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor di Lampiran 1 .					

FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN	
AKADEMI / FAKULTI	BIDANG PENGAJARAN
Pengurusan dan Perniagaan	Pemasaran

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UiTM

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

- (c) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,070.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM45 : RM3,380.37).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (c) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang - bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang - bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
- dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang - bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - a. Kad Pengenalan Calon, Ibu & Bapa
 - b. Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
 - c. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - d. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah (Ph.D) (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - e. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
 - f. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - g. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan

*Sila kemukakan **DOKUMEN** melalui link seperti berikut: <https://forms.gle/bEGPaWEeegx8VdhS6>

2. Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/ Kelas Kedua Tinggi/ Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.
3. Borang / dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur tidak akan diproses.**
4. Hanya pemohon - pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
5. Permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang **TIDAK** melalui majikan tidak akan diproses.
6. Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon - pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakukan oleh SENAT.
8. Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana kampus Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan UiTM yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Melaka di

<https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/discover-us/campuses>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 Disember 2022 (Jumaat)**.

Sila kemukakan permohonan melalui link seperti berikut : <https://forms.gle/bEGPaWEeegx8VdhS6>

Sila kemukakan **BORANG PERMOHONAN ASAL** (melalui pos) kepada :



اَبُو سَيِّدِي تَنَاصَرُو لَوِ عِنِّي مَا اَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
PEJABAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA

NO.TEL : 06-5582438 /06-5582321 / 06-5582014